

# Agro



**Kayu tahan calar**  
M Bio Coating jaga ketahanan perabot >>4



**Pesta tangkap ikan**  
2,000 peserta berkubang di estet ikan >>7



## Kebun KOTAK

Kit cendawan dibangunkan siswazah UPM memudahkan penduduk bandar jadi 'petani ekspres' >>2&3





**FOKUS**

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@hmetro.com.my

Pernahkah anda terfikir untuk menjadi 'petani ekspres' tanpa perlu memiliki kemahiran tinggi dalam bercucuk tanam?

Setidak-tidaknya benih yang disemai menjadi dan mengeluarkan hasil seperti diharapkan.

Inilah yang dilakukan siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, gaya persembahan produknya sangat mengujakan sesiapa saja terutama kepada mereka yang pertama kali melihatnya.

Ilhamnya membolehkan ramai penduduk bandar menjadi petani ekspres dengan mengusahakan 'kebun kotak'.

Bunyiya macam tidak realistik, namun manual penanaman yang ditampilkan pada kotak berketiangan 30 sentimeter itu amat membantu.

Jika seorang penanam cendawan perlu melalui pelbagai prosedur tanaman, Pengarah Urusan EKO Agro Biotech Sdn Bhd, Boey Tze Zhou, mempermudah teorinya.

Anda tidak perlu memiliki rumah cendawan, memadai menyediakan ruang

# TUAI HASIL hari keempat & berkali-kali


Kit cendawan dibangunkan sesuai untuk pelajar sekolah kerana berkonsepkan pendidikan



PANDUAN mudah kit cendawan.



BULATAN pada kit dipotong bersilang.



SEMBURAN dilakukan dua kali sehari.

ran katanya kit itu dijual kepada ibu bapa sekali gus menyediakan ruang interaksi bersama keluarga dan mempelajari ilmu mengenai kitar hidup cendawan.

Menurutnya, selepas majlis konvokesyen tamat, dia membina ladang kecil diusahakan di ladang udang milik abang kandungnya di Juru, Pulau Pinang.

"Permulaannya memang susah terutama dalam mendapatkan benih yang berkualiti.

"Dengan ilmu yang ada, saya membangunkan sebuah makmal mini untuk menghasilkan benih berkualiti," katanya.

Dari situ, dia mencuba menanam pelbagai spesies cendawan berkualiti, antara tiram mutiara kelabu, ros merah jambu, emas (kuning), putih, abalone, telinga kera dan ling zhi.

Proses promosi dan pengedaran cendawan katanya dilakukan menerusi laman sosial Facebook dan laman web.

"Saya juga mendapat ruang eksklusif daripada UPM untuk menjual produk secara runcit di kedai pertanian.

"Malah, permintaan terhadap cendawan organik itu semakin meningkat di kalangan pengguna," katanya.

Katanya cara penyediaan kit juga mudah ia-



ANTARA hidangan cendawan - tiram kelabu goreng.

untuk pelajar sekolah kerana berkonsepkan pendidikan.

Pemegang Sarjana Muda Sains Pertanian, Fakulti Pertanian, UPM itu berkata ilham membangunkan kit cendawan ketika mengikuti latihan industri di Singapura.

"Konsep kit cendawan sudah ada di universiti dan saya mendapat idea dari situ," katanya.

Katanya, dia memilih sebuah ladang cendawan dengan menggunakan konsep 'indoor' serta berhawa dingin.

"Saya lihat, kit cendawan ini ada dijual dan mudah dikendalikan dengan menggunakan beg kertas," katanya.

Bagi tujuan pembelaja-

kecil di kediaman yang terhad.

Boey menghadiahkan sebuah kotak bercorak kayu kepada penulis dan berpandukan manual diberikan, penulis menunggu dengan sabar.

Tidak menghampakan, hari keempat penanaman, penulis menuai hasilnya malah cendawan tiram kelabu itu boleh dituai berkali-kali.

Lebih menarik, kit cendawan dibangunkan sesuai



CENDAWAN siap untuk dituai.

CENDAWAN putih.





KIT cendawan yang mudah dikendalikan.

SAIZ pembesaran cendawan emas.



BOEY bersama cendawan gergasi ketika lawatan ke luar negara.



itu potong bersilang pada bahagian bulatan disediakan, disembur air dan diletak pada bahagian gelap di rumah untuk pembesaran.

Untuk memastikan pekubun MushGrow menanam cendawan itu, MushGrow menawarkan polisi penukaran jika kit cendawan MushGrow tidak pernah ber-cambah selepas 30 hari penanaman.

Kini, syarikat di Jalan Juru Estate, Bukit Mertajam, Pulau Pinang itu mengeluarkan 600 kit cendawan setiap minggu.

Layari MushGrow di [www.mushgrow.com.my](http://www.mushgrow.com.my) untuk maklumat lanjut.



BOEY bersama kit cendawan yang dibangunkan.



BOEY turut membangunkan cendawan ling zhi.



BOEY bersama anugerah pelajar terbaik.

## Persidangan Usahawan Agroteknologi 2015



### INFO AGRO

● Persidangan Usahawan Agroteknologi adalah julung kali dianjurkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

● Program itu akan diadakan di Hotel Avillion Legacy, Melaka, pada 10 hingga 12 Mac ini.

● Ia bertujuan untuk

memindahkan teknologi secara langsung daripada penjana teknologi kepada pengguna teknologi, menghebahkan teknologi dan maklumat terkini dalam industri makanan. Pembentangan kertas kerja adalah pengisian utama persidangan ini.

● Selain itu, usahawan boleh berinteraksi dengan ahli panel ketika sesi dialog.

● Topik dan isu utama yang akan dibentangkan ialah hala tuju industri asas

tani, peluang pemasaran produk IKS ke pasar raya besar dan global, kualiti dan keselamatan makanan dan maklumat pembiayaan.

● Peserta persidangan terdiri daripada usahawan bimbingan MARDI dan usahawan agropreneur muda.

● Objektif adalah untuk memindahkan teknologi secara langsung daripada penjana teknologi kepada pengguna teknologi.

● Ia juga bagi menghebahkan teknologi dan

maklumat terkini dalam industri makanan.

● Mengeratkan hubungan silaturahim antara usahawan dan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

● Ia dijangka disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

● Program itu akan dihadiri seramai 150 usahawan bimbingan MARDI (peruntukan MARDI) dan 50 orang

Usahawan Agropreneur Muda (UAM-MOA).

● Jawatan Kuasa Penganjur membabitkan Ketua Pengarah MARDI yang juga penasihat program Datuk Dr Sharif Haron.

● Pengerusi yang juga Pengarah Pusat Promosi dan Pembangunan Teknologi MARDI Jamaludin Salim.

● Sesi pertama bertajuk 'Peranan Kementerian Membantu Usahawan', sesi kedua pula bertajuk 'Teknologi dan Perundangan'.

● Turut diadakan pembentangan kertas kerja seperti: 'Pemprosesan Minimal Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran', 'Teknologi yang Ditawarkan MARDI', 'Pensijilan Kualiti dan Keselamatan dalam Industri Makanan' dan 'Pengenalan dan Tatacara Permohonan dari Jabatan Kastam'.

● Antara topik dibincangkan adalah Pembiayaan dan Pemasaran Produk IAT.